

# ISTERI ORANG DICERAI DAN DINIKAHKAN

Perkara yang disebutkan di bawah ini bolehlah disifatkan sebagai suatu perkara yang “bermaharajalela” terjadi di dalam lingkungan perkawinan atau dengan terangnya perkara-perkara yang dilakukan bukannya sahaja melanggar pengajaran-pengajaran agama tetapi juga membawa kerosakan kepada keturunan dan boleh pula akan menjadikan sesuatu yang akan merosakkan keamanan negeri serta merosakkan juga nama baik agama Islam yang dilakukan oleh orang-orang Islam sendiri – dan sebab itulah perkara yang sedemikian ini mustahak sangat diperhati umumnya oleh orang-orang Islam dan khasnya oleh Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura untuk mencari ikhtiar-ikhtiar dan jalan-jalan yang mustahak dicari bagi menjauhkan kejadian-kejadian yang seumpama ini pada masa-masa yang akan datang oleh kerana nampaknya segala sesuatu itu dibuat dengan tidak megambil indah asakan sahaja “saguhati” didapat walaupun mereka melakukan perbuatan-perbuatannya yang terkutuk atau dikutuk oleh tuhan.

## KEJADIAN SEBENAR

(oleh Ahmad Lutfi)

Adapun perkara yang disebutkan di bawah ini telah diberi kepada saya oleh seorang dengan memberi beberapa keterangan yang bersurat kepada saksi-saksi dalam kenyataannya dan setelah saya halusi maka dapatlah saya riwayatkan kejadian itu seperti berikut : -

Pada satu hari, menurut kenyataan itu, pada awal bulan Jun 1951 seorang suami apabila balik daripada tempat kerjanya telah terperanjat apabila mendapati isterinya bersama-sama dengan anaknya yang berumur empat tahun telah keluar daripada rumahnya bersama-sama dengan barangannya. Ia telah berkahwin dengan isterinya itu semenjak dari tahun 1945 dengan dinikahkan oleh seorang Kadi di Pantai Timur, Singapura. Setelah disiasatnya maka kemudiannya ia mendapat tahu isterinya itu telah di bawa keluar oleh seorang lelaki lain dan dengan kenyataan itu maka ia telah membuat aduan ke rumah pasung. Kejadian pemergian isterinya itu ialah pada pagi 6 Jun 1951.

Lebih kurang tiga bulan kemudian daripada itu ia telah jadi terperanjat apabila ia mendapat tahu bahawa isterinya yang telah mengikut seorang lelaki lain itu telah

dinikahkan oleh seorang Kadi di dalam daerah yang terletak dipusat Singapura. Ia telah menyiasat dan kemudiannya ia mendapat tahu bahawa Kadi yang menikahkannya ini telah berani menikahkan isterinya itu diasaskan kepada satu surat cerai yang dikeluarkan oleh Kadi yang terletak di Pantai Timur yang telah menikahkannya dahulu. Ia hairan bagaimana satu surat cerai telah dikeluarkan oleh seorang Kadi atas isterinya dengan tidak setahunya. Ia tidak pernah dipanggil oleh Kadi di Pantai Timur itu di dalam sesuatu perceraian hanya ia ada mendapat sepucuk surat daripada Kadi di Pantai Timur itu yang di dalamnya disertakan sehelai surat cerai yang diminta oleh Kadi itu supaya ditandatangani olehnya iaitu surat cerai daripada isterinya yang dikatakan oleh Kadi ini dengan isterinya diceraikan dengan khuluk dengan membayar \$22.50 dan surat cerai yang disuruh ditandatangani itu ditarikahkan 14.6.51 iaitu lebih kurang seminggu sesudah perempuan itu lari daripada rumahnya. Di dalam surat cerai itu ditulis juga perkataan : “Telah aku talak isteriku ... dengan talak satu (khuluk) dihadapan saksi yang hadir sebanyak \$22.50 dan menyerahkan anak kepada aku”. Haribulan surat cerai itu hari Khamis pukul 10 pagi 14.6.51.

Suami itu berasa hairan dan terperanjat serta

tercengang bila ia telah berlafaz dihadapan Kadi itu untuk menceraikan isterinya dihadapan dua orang saksi pada hal ia di dalam masa itu sedang berusaha akan mendapatkan semula isterinya yang dibawa lari oleh orang lain dan dengan kerana itu maka ia pun pergilah mendapatkan seorang Kadi lain yang lebih berketanggungan daripada Kadi yang tersebut itu serta menunjukkan surat yang dituntut supaya ditandatangani olehnya daripada Kadi di Pantai Timur itu. Kadi ini telah terperanjat dan hairan melihat bagaimana telah terjadi kejadian itu tetapi nampaknya ia pun tidak dapat membuat apa-apa selain mengangkat bahu dan berdukacita lalu khabarnya menyuruh ia berjumpa seorang Kadi lagi.

Ia telah pergi kepada Kadi yang lagi satu ini dan di sini ia dinasihatkan supaya ia mendiamkan sahaja perkara itu minta jangan dipanjang-panjangkan dengan menyatakan bahawa perempuan tidak seorang. Menurut pendapatannya perkara yang sedemikian ini tidaklah boleh dibiarkan begitu sahaja oleh sebab sekalipun kejadian itu adalah satu kejadian aib yang menimpa di atasnya yakni isterinya telah dilarikan orang dan kemudian diceraikan daripadanya dengan tidak setahunya lalu dengan surat cerai itu dikahwinkan pula dengan orang yang membawa lari itu tetapi perkara yang demikian ini harus akan berlaku dari satu kesuatu masa dengan membawa akibat yang buruk kepada keamanan dan kesejahteraan oleh kerana sekiranya ia tidak sabar sudah tentu yang demikian itu akan membawa atau berakibat kepada pergaduhan dan merosakan keamanan negeri. Kejadian yang demikian ini, menurut pendapatannya, wajib dikawal dan wajib diperhati oleh sebab sekiranya perkara yang sedemikian itu sentiasa berlaku sudah tentu akan berbencian bukannya sahaja menoda nama baik agama Islam tetapi juga merosakkan keimanan dan kesejahteraan dan dengan kerana itu perkara yang sedemikian ini bukannya perkara kecil bahkan wajib dikawal dan diperhati oleh kerajaan dan patut kerajaan menerima nasihat daripada Majlis Penasihat Islam untuk mencari jalan bagaimana caranya mengawal perkara-perkara yang buruk yang tidak boleh dibiarkan begitu sahaja.



*Ayatullah Al-Ajami – Ulama Mazhab Syiah dari Iraq salah seorang daripada wakil-wakil yang telah menghadiri Mukhtamar Islam di Karachi pada bulan Februari yang lalu.*

Riwayat ini sebenarnya adalah menyedihkan dan mendukacitakan. Tidak satu bahkan banyak pengaduan-pengaduan dan sungutan-sungutan yang telah sampai kepada pengetahuan umum tentang kejadian-kejadian yang serupa itu yang terjadi di Singapura, ini dengan kerana Jabatan-jabatan Kadi itu tidak dikelola dan diatur oleh kerajaan mengikut cara-cara yang sesuai dan memuaskan hati. Saya tidak menafikan bahawa pihak kerajaan tidak mencampuri hal ehwal agama tetapi untuk keamanan adalah mustahak perkara yang sedemikian itu dikawal supaya jangan terbit perbalahan-perbalahan yang merosakkan keamanan dan supaya jangan Jabatan-jabatan itu dijadikan tempat untuk mencari sara kehidupan kehidupan yang di dalamnya dicari perlumbaan. Sebagaimana mereka itu dikawal dengan satu undang-undang dan telah patuh juga pada masa ini diadakan satu mahkamah syariah yang dikelola oleh kerajaan

supaya jangan terjadi perkara-perkara aniaya yang zalim berlaku samada untuk perempuan atau lelaki yang berkenaan dengan sebab perbuatan-perbuatan menanggung di air yang keruh itu.

Saya telah banyak kali menulis dalam perkara ini membayangkan dengan sindiran atas perbuatan-perbuatan yang nampaknya berleluasa atau sengaja dilakukan untuk menanggung di air yang keruh. Di dalam buku-buku saya "Bilik 69", "Tuan Kadi" dan lain-lainnya saya telah ada membawa senarai perceraian yang menunjukkan kaedah-kaedah yang nampaknya telah biasa dilakukan dengan tidak memikirkan sama sekali bencananya kepada umum dan kesannya kepada masyarakat serta jauh sekali takutnya kepada Allah Suhanahu wa Taala dengan mempermain-mainkan perkara yang mensabitkan kesempurnaan keturunan-keturunan pada masa yang akan datang. Di dalam buku-buku itu saya telah mengesyorkan juga supaya Majlis Penasihat Kerajaan merafakkan kepada kerajaan tentang mengadakan suatu kuatkuasa undang-undang negeri atasnya supaya kecuaiian-kecuaiian yang dilakukan dengan sengaja itu jangan berlaku lagi dan dengan kerananya akan membawa kesan kepada masyarakat bahkan akan membawa kepada perkara yang merosakkan keamanan dan kesejahteraan negeri kerana tidaklah nanti seorang suami akan gelap matanya melihat isterinya dilarikan orang kemudian dengan tidak izinnya dan tidak dengan pengetahuannya diceraikan dan dengan surat cerai itu isterinya dikahwinkan pula dengan orang itu.

Ini satu kejadian, maka banyak lagi kejadian-kejadian yang seumpama itu sedang berlaku dan harus akan berlaku, sekiranya perkara yang sedemikian ini dilengahkan oleh pihak pertadbiran menunaikan tuntutan-tuntutan yang dikatakan telah diharapkan oleh Majlis Penasihat Islam menuntut supaya pihak pertadbiran mengadakan suatu mahkamah Syariah untuk mengurus hal-hal yang berkenaan dengan perkahwinan dan perceraian. Yang demikian ini sangat mustahak oleh sebab perbuatan-perbuatan yang sedemikian itu akan menerbitkan (1)menurunkan darjat akhlak, (2)menerbitkan permusuhan, (3)menambah pelacuran, (4)menambah anak zina dan beberapa banyak

lagi perkara-perkara yang semuanya patut dikawal oleh kerajaan dengan berbagai-bagai perkawalan terutamanya pula dengan terbit perkara-perkara aniaya dan perbuatan-perbuatan yang semahu-mahunya sahaja. Dengan sebab itu, adalah sangat-sangat diharap supaya Majlis Penasihat Islam mendesak kerajaan mengadakan peraturan-peraturan tentang perkahwinan. Saya telah mengesyorkan supaya Kadi-kadi yang banyak itu hanya dibenarkan sebagai juru nikah sahaja, sedang perkara cerai hendaklah diurus oleh sebuah mahkamah yang dikuatkuasakan dengan undang-undang negeri boleh menghukum mengikut keputusan-keputusannya sekalipun dengan hukuman penjara. Juru-juru nikah itu tidak boleh menikahkan seorang janda melainkan seorang janda itu ada padanya surat cerai yang diterbitkan oleh mahkamah itu dan dengan inilah diharapkan akan hapus pekerjaan yang dijalankan dengan semahu-mahunya sahaja oleh sebahagian Kadi-kadi yang tidak cukup usul periksa atas tuntutan cerai yang didatangkan kepadanya.

---

Cetak yang kedua!

Pesan Segera!

## **JANDA BERTIAS**

Di dalamnya membayangkan kesudahan hidup orang yang bakhil dan juga membayangkan kerosakkan hal suami isteri atau rumahtangga oleh kerana didikan ibu yang salah kepada anak-anak perempuannya dan lain-lain kerosakkan dalam masyarakat bangsa kita.

Senaskah \$0.50 – Pos 10 sen.

Pesanlah kepada :-

# **QALAM**

**356, GEYLANG ROAD,  
SINGAPORE 14.**